
# Pemuda Yang *Merindui* Syahid

**Sheikh Dr Khayr al-Sha'al**
Terjemahan Syazwan Hakim



impress

# PEMUDA YANG MERINDUI SYAHID

**Syeikh Dr Khayr al-Sha'al**

Diterjemah oleh Syazwan Hakim

IMPRESS

2025

Diterbitkan oleh

impress

**Alamat** No 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor

**Email** ikrammudapusat@gmail.com

**Penulis** Syeikh Dr Khayr al-Sha'al

**Karya Asal** Asy-Syabab wa Syahadah ila Allah

**Penterjemah** Syazwan Hakim

**Penyunting** Usaid Asmadi

**Reka Letak** Abu Haura'

**Reka Bentuk Kulit** Auzaie Rusyaidi

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan daripada buku ini bagi tujuan jualan dalam apa-apa bentuk dan cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit. Ebook ini diedarkan secara percuma dan terbuka.

**IMPRESS** adalah rumah penerbitan komersial di bawah IKRAM Muda Malaysia.




إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

# Hj Shahrul Aman B Mohd Shaari

**Setiausaha Agung Pertubuhan IKRAM Malaysia**

**12 Januari 1975 - 28 April 2025**

# MUKADIMAH PENTERJEMAH

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

﴿إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُم بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ ۚ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَاةِ وَالْإِنجِيلِ وَالْقُرْآنِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ ۚ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُم بِهِ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴾

*"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman, diri dan harta mereka dengan (balasan) bahawa bagi mereka syurga. Mereka berperang di jalan Allah, lalu mereka membunuh dan terbunuh. (Itu adalah) janji yang benar daripada-Nya dalam Taurat, Injil dan al-Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janji-Nya selain Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang agung." (Surah al-Tawbah, 9:111)*

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda dengan penuh keimanan hingga ke hari kiamat.

Buku kecil ini merupakan terjemahan khutbah Jumaat bertajuk "Pemuda dan Syahid" yang merupakan salah satu daripada rangkaian khutbah dalam siri *Silsilah Qadhaya al-Shabab* (Siri Isu-Isu Pemuda) yang telah disampaikan oleh Sheikh Dr. Muhammad Khayr bin Muhyiddin al-Sha'al. Beliau adalah seorang khatib, pendidik, dan pemikir yang gigih membimbing para pemuda di bumi Syam dengan ilmu dan hikmah.

Khutbah ini bukan sekadar pengisian rohani di atas mimbar. Tetapi merupakan seruan tegas agar generasi muda umat ini kembali kepada semangat pengorbanan, cinta, jihad, dan kesediaan untuk menebus maruah ummah dengan darah dan jiwa. Dalam dunia yang sedang mabuk dengan kenikmatan duniawi dan cinta diri, khutbah ini datang mengingatkan bahawa kemuliaan hanya akan tertegak dengan pengorbanan. Syurga pula tidak digapai dengan angan-angan kosong, tetapi dengan darah, air mata, dan langkah yang berani.

Saya memilih untuk menterjemah dan menyusun khutbah ini ke dalam bentuk e-book kerana merasakan bahawa mesejnya amat mendesak untuk dihayati oleh para pemuda Muslim di zaman ini. Lebih-lebih lagi ketika umat Islam sedang diuji dengan penjajahan, penghinaan, dan pencabulan terhadap tanah suci dan darah saudara seakidah mereka, sama ada di Palestin, Syria, atau mana-mana penjuru bumi.

Semoga dengan penyebaran terjemahan ini, mesej khutbah yang ikhlas dan tajam ini dapat meresap masuk ke dalam hati pembaca dan pendengar. Lalu membentuk kembali jiwa yang rela berkorban demi agama dan umat.

Saya tidak menterjemah setiap ungkapan secara harfiah, tetapi berusaha mengekalkan roh, semangat, dan nada khutbah asal dengan bahasa yang dekat dengan jiwa pembaca Melayu-Muslim. Mudah-mudahan usaha kecil ini diterima oleh Allah sebagai amal jariah, dan menjadi saham dalam menghidupkan semangat jihad dan cinta kesyahidan di kalangan generasi pewaris perjuangan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih saya kembalikan kepada pihak IMPRESS kerana sudi memberikan peluang untuk menterjemahkan karya yang amat bernilai di waktu dan suasana yang tidak menentu ini. Semoga Allah membalas sebaik-baik ganjaran terhadap usaha yang baik ini. Tiada hak cipta dituntut dari buku ini, ia bebas dimuat turun, dicetak serta disebarkan oleh sesiapa sahaja asalkan hendaklah e-book ini dikreditkan kepada kami serta pihak IMPRESS.

Segala kekurangan adalah daripada kelemahan saya sebagai hamba, dan segala kebaikan hanyalah daripada Allah semata. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan dalam terjemahan ini, maka saya amat mengalu-alukan makluman dan pembetulan segera.

Sekian,

*Wallāhu Waliyyu al-Tawfiq*

Muhammad Syazwan Hakim bin Jamil
Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
11 Syawal 1446H / 9 April 2025M

# PROFIL PENULIS



**Sheikh Dr. Muhammad Khayr bin Muhyiddin al-Sha'al**[1]

Dilahirkan di Damsyik, Syria, di kawasan Ṣāliḥiyyah pada tahun 1970M. Beliau telah berkeluarga dan dikurniakan seorang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan.

1 Sumber gambar daripada Youtube penulis

**Latar Pendidikan**

- Mendapat sijil sekolah menengah dari tiga aliran yang berbeza: Sains (1986), Syariah (1987), dan Sastera (1990).
- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pergigian dari Universiti Damsyik (1992), antara 10 terbaik dalam kohortnya.
- Ijazah Sarjana Muda kedua Usuluddin dari Universiti Islam Omdurman (1998), lulus sebagai pelajar terbaik.
- Diploma Pascasiswazah dalam Ilmu Hadis dan Sunnah (1999).
- Sarjana dalam bidang Sunnah dan Ilmu Hadis (2002).
- PhD dalam Sunnah dan Ilmu Hadis dari Universiti Islam Omdurman dengan tesis bertajuk Kajian Sanad terhadap Riwayat Sebab Nuzul dalam Surah al-Baqarah (2009), dengan kepujian tertinggi.
- Menerima pelbagai ijazah sanad, antaranya ijazah umum daripada gurunya al-'Allamah Dr. Nuruddin 'Itr.
- Mempelajari ilmu dakwah dan tarbiyah daripada Sheikh Ahmad Kaftaro.

**Pengalaman Profesional**

- Pensyarah di Kolej Dakwah Islamiah dan Kolej Usuluddin (Cawangan Damsyik), Universiti

Omdurman (2000–2011), kemudian pensyarah di Universiti Bilad al-Sham sejak 2011.

- Khatib Jumaat di masjid-masjid Damsyik dan sekitarnya sejak 1990, kini khatib di Masjid Anas bin Malik, kawasan al-Maliki.
- Guru agama di bawah Kementerian Wakaf Syria.
- Bekas Pengarah Bimbingan dan Dakwah, Kementerian Wakaf (2010), dan kini penyelaras hal ehwal keluarga dan kanak-kanak.
- Menyumbang dalam penyediaan dasar nasional menentang keganasan terhadap wanita dan strategi membendung HIV/AIDS.
- Pakar pelatih di Pusat Dakwah dan Pembangunan Insan serta Pusat Antarabangsa al-Sham untuk Menangani Ekstremisme.
- Penganjur dan pengendali kursus bimbingan perkahwinan sejak 2007.
- Ahli pengasas Pertubuhan al-Barakah untuk pembangunan sosial dan latihan kemahiran.
- Ahli Majlis Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Bilad al-Sham.
- Penyampai dan pengacara rancangan TV dan radio yang disiarkan secara langsung atau rakaman.
- Masih menjalankan profesion pergigian di klinik

peribadinya.

- Seorang penulis prolifik dengan karya yang telah dicetak ulang sehingga sepuluh edisi, dan ada yang melebihi satu juta salinan terjual.

**Karya-Karya Beliau**

- Siri Perubatan dan Iman
- Siri Hadis yang Mudah Difahami (700 hadis dari Kutub Sittah dan al-Muwatta')
- Siri Mimbar Damsyik (1–4)
- Siri Keluarga Saya
- Seruan kepada Golongan Islamis: Marilah Belajar Hikmah
- Petunjuk Nabawi dalam Berinteraksi dengan al-Qur'an
- Tinjauan terhadap Ulama Hadis dan Metodologi Penyusunan Kutub Sittah
- Abad Baharu dan Generasi Lelaki Baharu (Mereka yang Mengajarkan al-Qur'an)
- Keluarga dan Pendidikan
- Isu-isu Pemuda
- Nabi Muhammad SAW: Cinta, Ittiba' dan Selawat
- Kursus Persiapan Kehidupan Perkahwinan

- Pasar Kita
- Koleksi Khutbah Audio (1–4)

"Kita sangat perlu mendidik diri dan generasi kita dengan didikan cinta kepada kesyahidan dan para syuhada""

Sheikh Dr. Muhammad Khayr bin Muhyiddin al-Sha'al

# PEMUDA YANG MERINDUI SYAHID

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagikan Maha Mengasihani,

Firman Allah Ta'ala:

{نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى} [الكهف: ٣١]

*"Kami ceritakan kepadamu kisah mereka dengan benar. Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk"*
*(Surah al-Kahfi, ayat 13)*

Kita kini berada di khutbah yang ke-17 dalam siri "Isu-Isu Pemuda". Dalam siri ini, kita telah membincangkan topik-topik seperti:

1. Mengapa wujudnya siri ini?
2. Pemuda dalam al-Quran
3. Pemuda dalam hadis Rasulullah SAW

4. Pemuda dan ilmu
5. Pemuda dan kerja
6. Pemuda dan masjid
7. Pemuda dan kesucian diri
8. Pemuda dan media komunikasi moden
9. Pemuda dan berbuat baik kepada ibu bapa
10. Pemuda dan cinta
11. Pemuda dan matlamat hidup
12. Pemuda dan hubungan dengan Allah
13. Pemuda dan masa

Topik khutbah pada hari ini adalah: "Pemuda dan Syahid di Jalan Allah".

Wahai saudara-saudara seiman sekalian,

Tidak diragukan lagi bahawa kita sangat memerlukan pemuda yang hidup di jalan Allah. Juga tidak diragukan bahawa kita memerlukan pemuda yang hidup demi ilmu dan melakukan kerja yang menyumbang kepada agama dan tanah air mereka. Begitu juga, tidak diragukan kita memerlukan pemuda yang sanggup mati di jalan Allah demi mempertahankan agama dan tanah air mereka.

Kita menyambut 'Hari Guru' kerana guru adalah simbol ilmu yang membangunkan umat. Kita menyambut 'Hari Pekerja' kerana pekerja adalah simbol usaha yang menguatkan umat. Kita

juga menyambut 'Hari Pahlawan' (atau Hari Syuhada') kerana mereka adalah simbol kehormatan yang dibanggakan oleh umat dan yang mempertahankan sempadannya.

Kita memerlukan kekuatan daripada kebenaran – kekuatan ilmu dan kerja, kekuatan harta dan pemikiran, kekuatan akhlak dan hubungan dengan Allah. Namun, kita juga sangat memerlukan keupayaan untuk memiliki kekuatan, yakni kekuatan yang dimiliki oleh para syuhada' dan pejuang di jalan Allah.

Kebenaran yang tidak dilindungi oleh kekuatan akan mengundang bangsa-bangsa lain untuk meratah kita, seperti mana orang ramai mengerumuni hidangan mereka.

Oleh sebab itulah, antara khutbah-khutbah dalam siri ini adalah:

1. Pemuda dan Ilmu – kerana ilmu adalah salah satu isu utama bagi para pemuda
2. Pemuda dan Kerja – kerana kerja juga satu isu besar dalam kehidupan pemuda
3. Pemuda dan Masjid – kerana masjid tempat yang membentuk jati diri pemuda

Dan hari ini, kita berbicara tentang "Pemuda dan Kesyahidan" kerana syahid juga perlu menjadi salah satu perkara penting dalam hidup para pemuda. Malah perlu menjadi cita-cita yang didambakan oleh mereka.

**Makna Syahid Menurut Ulama serta Kedudukannya**

Para ulama telah mentakrifkan syahid sebagai seseorang yang terbunuh atau mati dalam peperangan melawan musuh-musuh Islam dari kalangan orang kafir.

Dinamakan seseorang itu sebagai syahid kerana tujuh sebab seperti yang disebutkan oleh Imam al-Nawawi (rahimahullah)[2]:

1. Kerana Allah Ta'ala dan Rasul-Nya telah menjadi saksi bahawa dia ahli syurga.
2. Kerana dia hidup di sisi Tuhannya.
3. Kerana malaikat rahmat hadir menyaksikannya dan mencabut rohnya.
4. Kerana dia termasuk dalam kalangan yang menjadi saksi terhadap umat-umat lain pada hari kiamat.
5. Kerana dia telah disaksikan beriman dan mati dalam keadaan yang baik berdasarkan zahir keadaannya.
6. Kerana dia mempunyai saksi fizikal, iaitu darahnya sendiri sebagai bukti bahawa dia dibunuh di jalan Allah.
7. Kerana rohnya dapat menyaksikan Dar al-Salam (syurga), sedangkan roh orang lain hanya akan menyaksikannya pada hari kiamat.

Ibn al-Athir pula menyebut:

*"Syahadah ialah terbunuh di jalan Allah. Orang yang terbunuh itu*

2 Lihat: Syarah al-Nawawi 'ala Muslim, jilid 1, halaman 262, hadis no. 201.

*dinamakan syahid kerana Allah dan para malaikat-Nya menjadi saksi bahawa dia ahli syurga."*

Maka wahai saudara-saudara sekalian,

Apakah kebahagiaan dan kedudukan yang lebih tinggi yang boleh dicita-citakan oleh seseorang daripada ini? Setiap kelalaian yang pernah mereka lakukan terhadap hak Allah, tidak akan ada lagi azab mahupun teguran terhadapnya kerana kesyahidan memberikan mereka kehidupan dan keabadian. Mereka tidak mati seperti manusia biasa – bahkan pintu-pintu syurga terbuka luas untuk mereka. Mereka menikmati kehidupan syurga, sedangkan orang-orang yang masih hidup di bumi masih terus bergelut dalam kehidupan.

Walau sebanyak mana pun kita menyenaraikan kelebihan syahid, balasan yang disediakan Allah melebihi segala perhitungan. Meskipun segala keindahan bahasa cuba digunakan oleh manusia untuk memuliakan para syuhada', ia tetap tidak akan mencapai walaupun sekelumit cahaya kemuliaan yang digambarkan oleh al-Qur'an dan kemuliaan sabda Rasulullah SAW.

Firman Allah Ta'ala:

{وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ (169) فَرِحِينَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (170) يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُؤْمِنِينَ (171)} [آل عمران: 169 - 171]

"Dan janganlah kamu menyangka orang-orang yang terbunuh di

jalan Allah itu mati; bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki. Mereka bergembira dengan apa yang Allah kurniakan kepada mereka daripada limpah kurnia-Nya, dan mereka mengkhabarkan berita gembira kepada orang-orang yang masih belum menyusul mereka, bahawa tiada ketakutan atas mereka dan mereka tidak akan berdukacita. Mereka juga bergembira dengan nikmat dan limpah kurnia dari Allah, dan sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang beriman." (Surah Ali 'Imran: 169–171)

Dalam Sahih Muslim, daripada Masruq telah berkata: Kami bertanya kepada Abdullah ibn Mas'ud RA tentang ayat ini, lalu beliau berkata: Kami juga pernah bertanya tentang itu, maka Rasulullah SAW bersabda:

«أرواحهم في جوفِ طير خضرٍ لها قناديلُ معلقةٌ بالعرش تسرح من الجنة حيث شاءت، ثم تأوي إلى تلك القناديل، فاطّلَع إليهم ربهم اطلاعةً فقال: هل تشتهون شيئاً؟ قالوا: أيَّ شيءٍ نشتهي؟ ونحن نسرح في الجنة حيث شئنا ففعل ذلك بهم ثلاث مرات، فلما رأوا أنهم لن يُتْرَكوا من أن يسألوا، قالوا: يا رب نريدُ أن تردَّ أرواحنا في أجسادنا حتى نُقتل في سبيلك مرة أخرى» (رواه مسلم)

*"Roh-roh mereka berada dalam tubuh burung hijau yang mempunyai pelita-pelita yang tergantung di 'Arasy. Mereka bebas berkelana di syurga sesuka hati, kemudian kembali ke tempat pelita-pelita itu. Lalu Tuhan mereka melihat kepada mereka dan bertanya: Apakah kalian menginginkan sesuatu? Mereka menjawab: Apa yang kami mahu lagi, ya Tuhan? Sedangkan kami bebas berkelana di syurga sesuka hati!*

*Dan perkara itu berlaku sebanyak tiga kali. Apabila mereka merasa bahawa mereka tetap akan ditanya, mereka berkata: Ya Tuhan, kami ingin agar Engkau mengembalikan roh kami ke jasad kami agar kami dapat terbunuh lagi di jalan-Mu."* [3] *(Hadis riwayat Muslim)*

**Keinginan Syahid: Hasrat Rasulullah SAW dan Para Sahabat RA**

Dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim, daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

«ما أحدٌ يدخلُ الجنة يحب أن يرجع إلى الدنيا –وله ما على الأرض من شيء– إلا الشهيد، يتمنى أن يرجع إلى الدنيا فيُقتل عشر مرات، لما يرى من الكرامة» [4] (رواه الشيخان وأحمد)

*"Tiada seorang pun yang masuk syurga ingin kembali ke dunia, sekalipun dia memiliki segala yang ada di bumi, kecuali orang yang mati syahid. Dia ingin kembali ke dunia lalu dibunuh (syahid) sebanyak sepuluh kali, kerana melihat kemuliaan yang dikurniakan kepadanya." (Hadis riwayat al-Bukhari,Muslim dan Ahmad)*

Disebabkan itulah, Rasulullah SAW, dengan segala ketinggian darjatnya di sisi Allah dan keagungan kedudukannya, pernah menyatakan:

«والذي نفس محمد بيده لودَدْت أن أغزو في سبيل الله فأُقتَل,

3 Rujuk: Sahih Muslim, hadis no. 4885.

4 Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Sahih-nya, hadis no. 2817, dan oleh Muslim dalam Sahih-nya, hadis no. 4868, serta oleh Ahmad dalam Musnad-nya, hadis no. 12771.

ثم أغَزو فأُقتَل, ثم أغزو فأُقتَل» (رواه الشيخان وأحمد)

"Demi Tuhan yang nyawa Muhammad berada dalam genggaman-Nya, sungguh aku ingin berperang di jalan Allah lalu terbunuh, kemudian berperang lagi lalu terbunuh, kemudian berperang lagi lalu terbunuh."[5] (Hadis riwayat al-Bukhari,Muslim dan Ahmad)

Kerana itulah, para sahabat Rasulullah SAW sangat mendambakan kesyahidan. Apabila seseorang daripada mereka berangkat ke medan perang, dia akan berdoa:

"Ya Allah, kurniakanlah aku kesyahidan dan jangan Engkau kembalikan aku kepada keluargaku dalam keadaan hampa."

Dan apabila Nabi SAW menghalang seseorang daripada turut serta dalam peperangan kerana kecacatan, sakit, tiada kenderaan atau uzur tertentu, mereka menangis seperti anak kecil yang kehilangan sesuatu yang berharga. Mereka berpaling pergi dengan air mata yang berlinangan. Hati mereka penuh dengan hasrat untuk turut serta dalam jihad di jalan Allah.

Begitulah juga ketika Sayyidina Khalid ibn al-Walid RA, sang panglima yang tidak pernah kalah dalam perang menghadapi saat-saat kematian di Homs di atas katilnya. Beliau berkata dengan penuh kesayuan:

"Aku telah menyertai lebih dari seratus peperangan atau hampir kepadanya, dan tidak ada sejengkal pun pada tubuhku melainkan

5 Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahih-nya, hadis no. 4859; oleh Ahmad dalam Musnad-nya, hadis no. 7157; dan oleh al-Bukhari, hadis no. 7227 dengan lafaz: "Aku dihidupkan lalu terbunuh."

ada bekas pukulan pedang, tusukan tombak atau panahan. Namun kini aku mati di atas katilku seperti matinya unta tua. Maka, janganlah mata orang-orang pengecut dapat tidur lena!"[6]

Kerana semangat inilah, para pemuda gagah berani di Palestin berlumba-lumba menuju kesyahidan dalam pertempuran mereka menentang penjajah Zionis yang penuh kebencian. Kerana semangat inilah juga, para pejuang di Iraq berebut ke medan syahid, melawan penjajahan Amerika dengan keberanian dan tekad yang tidak tergugat. Sebagaimana yang dinyatakan dalam syair yang menggambarkan ruh perjuangan dan tekad menuju syahid:

سأحملُ روحي على راحتي
وأُلقي بها في مَهَاوِي الرَّدَى
فإمّا حياةٌ تُسَرُّ الصديق
وإمّا مماتٌ يُغِيظُ العِدَى

*Akan kugenggam rohku di telapak tangan,*

*lalu kulemparkannya ke lembah kematian.*

*Sama ada ia hidup yang menggembirakan sahabat setia,*

*atau mati yang membakar amarah musuh durjana.*

6 Lihat: Siyar A'lam al-Nubalā' karya al-Imam al-Dhahabi, jilid 1, hlm. 382.

**Cinta Kesyahidan dan Kemuliaan Para Syuhada'**

Ketika Rasulullah SAW menyeru umat Islam untuk keluar ke medan Perang Badar, seorang sahabat bernama 'Amr bin al-Jamūḥ RA yang ketika itu sudah tua dan tempang ingin turut serta. Namun, keempat-empat anak lelakinya menghalangnya atas arahan Rasulullah SAW sendiri kerana keadaan kakinya yang terlalu tempang.

Namun apabila tiba Perang Uhud, 'Amr berkata kepada anak-anaknya: "Kalian telah menghalangku dari ikut serta ke Badar, maka jangan kalian halang aku ke Uhud!"

Mereka menjawab: "Sesungguhnya Allah telah memberi keuzuran kepadamu."

Lalu dia datang menghadap Rasulullah SAW dan berkata: "Wahai Rasulullah, anak-anakku mahu menghalang aku dari keluar bersamamu. Demi Allah, aku amat berharap agar aku dapat memijak syurga dengan kaki tempangku ini."

Lalu Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya engkau telah diberi keuzuran oleh Allah, dan engkau tidak diwajibkan berjihad."

Kemudian Baginda berpaling kepada anak-anaknya dan bersabda: "Tidak mengapa kamu membiarkannya. Semoga Allah mengurniakannya kesyahidan." [7]

Maka 'Amr mengambil senjatanya, berpaling dan berdoa: "Ya Allah, kurniakanlah aku kesyahidan, dan jangan Engkau

7 Lihat: al-Sīrah al-Nabawiyyah oleh Ibn Hishām, jilid 2, hlm. 78.

kembalikan aku kepada keluargaku dalam keadaan hampa."

Apabila dia syahid pada hari Uhud, Rasulullah SAW bersabda: "Demi Tuhan yang jiwaku berada dalam genggaman-Nya, sungguh aku melihat dia memijak syurga dengan kaki tempangnya itu."[8]

Kemudian Rasulullah SAW bersabda: "Perhatikanlah, dan kebumikanlah 'Abdullah bin 'Amr bin Haram beserta 'Amr bin al-Jamūḥ dalam satu kubur kerana mereka saling mencintai dan bersahabat erat di dunia."

Lalu mereka dikebumikan bersama.

Setelah 46 tahun berlalu dalam panas terik bumi Hijaz, turunlah satu banjir besar yang menutupi tanah perkuburan. Maka kaum Muslimin segera memindahkan jenazah para syuhada'. Mereka mendapati sebagaimana diceritakan oleh mereka yang memindahkannya. Jasad mereka masih lembut, anggota badan mereka masih boleh digerakkan.

Jabir bin 'Abdullah RA, ketika memindahkan jasad ayahnya 'Abdullah bin 'Amr dan jasad suami ibu saudaranya 'Amr bin al-Jamūḥ, berkata:

"Aku mendapati mereka di dalam kubur mereka seperti dua orang yang sedang tidur. Tanah tidak memakan jasad mereka sedikit pun. Seolah-olah mereka baru sahaja meninggal dunia semalam. Salah seorang daripada mereka meletakkan tangannya di atas luka ketika dikebumikan, dan apabila kami alihkan

8 Lihat: Usd al-Ghābah fī Ma'rifah al-Ṣaḥābah oleh Ibn al-Athīr, jilid 4, hlm. 96.

tangannya, ia kembali ke tempat asalnya."[9]

Imam Ahmad bin Hanbal pernah berkata:

*"Kami tidak mengetahui sebarang amal kebajikan yang lebih mulia daripada jihad." Apabila disebutkan kepadanya tentang serangan musuh, beliau menangis dan berkata: "Tiada amalan kebajikan yang lebih utama daripadanya. Tiada yang menyamai pertemuan dengan musuh! Mereka yang berperang menentang musuh ialah mereka yang mempertahankan Islam dan kehormatan umat ini. Maka apakah ada amal yang lebih besar dari itu? Orang ramai hidup dalam keamanan, sedangkan mereka dalam ketakutan. Mereka telah mengorbankan nyawa mereka. Manfaat mereka menyeluruh kepada seluruh umat Islam — besar dan kecil, kuat dan lemah, lelaki dan perempuan. Tidak ada satu pun amalan selain jihad yang menyamai kesannya, maka tidak ada yang menyamai keutamaannya dan ganjarannya."*

Wahai saudara-saudara seiman,

Kita sangat perlu mendidik diri dan generasi kita dengan didikan cinta kepada kesyahidan dan para syuhada'.

Satu didikan yang menghubungkan kita kepada langit lebih daripada keterikatan kepada bumi.

Satu didikan yang mengajar kita untuk berkorban demi orang lain, bukan mengeksploitasi pengorbanan orang lain.

Satu didikan yang menyemai ketakutan dalam hati musuh-musuh Allah dan musuh-musuh umat Islam yang sentiasa

9 Lihat: Usd al-Ghābah fī Ma'rifah al-Ṣaḥābah oleh Ibn al-Athīr, jilid 3, hlm. 344.

mengintai tanah air dan agama kita.

Kerana sesungguhnya:

1. Kesyahidan orang yang berperang dan diperangi yang menyebabkan kematian dalam perang itu telah mencegah kematian seluruh umat yang lain.
2. Seorang syahid yang mengalirkan darahnya demi jihad serta darahnya yang mengalir, menghindarkan pertumpahan darah daripada menimpa umat secara keseluruhan.
3. Seorang syahid mati di jalan Allah, mati agar umat ini terus hidup.

Apa yang perlu kita lakukan?

1. Kita perlu mendidik diri kita agar mencintai kesyahidan dan para syuhada'.
2. Kita perlu menceritakan kisah-kisah para syuhada' yang gagah kepada anak-anak kita.
3. Kita perlu membantu keluarga para syuhada' dengan segala kemampuan yang ada.
4. Kita perlu menjauhkan diri dan anak-anak kita daripada kehidupan yang mewah, lembut dan penuh kemanjaan kerana orang yang dibesarkan dengan gaya hidup seperti itu akan sukar untuk berkorban.

Sabda Rasulullah SAW (riwayat al-Miqdam bin Ma'dikarib RA):

«للشهيد عند الله ست خصال: يُغفر له في أول دُفْعَةٍ من دمه, ويرى مقعدَه في الجنة, ويُجار من عذاب القبر, ويأمن من

الفزع الأكبر, ويُحَلَّى حُلَّة الإيمان, ويُزَوَّج من الحور العين, ويُشَفَّعُ في سبعين إنساناً من أقاربه»

*"Bagi orang yang mati syahid, ada enam keistimewaan di sisi Allah:*

1. *Diampunkan dosanya sejak titisan darah pertamanya*
2. *Diperlihatkan kepadanya tempat tinggal di syurga*
3. *Diselamatkan daripada azab kubur*
4. *Aman dari ketakutan besar (di Padang Mahsyar)*
5. *Dihiasi dengan pakaian iman*
6. *Dikahwinkan dengan bidadari*
7. *Diberi syafaat kepada 70 orang dari kalangan keluarganya."*[10]

(Riwayat al-Tirmidzi, Ibn Majah dan Ahmad)

Dan segala puji bagi Allah jua, Tuhan pemilik semesta alam.

[Tamat]

10 Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam Jāmi'-nya, hadis no. 1663; oleh Ibn Mājah dalam Sunan-nya, hadis no. 2799; dan oleh Ahmad dalam Musnad-nya, hadis no. 17182.